

17/05/2000

Penyokong parti lawan boleh mohon pinjaman Mara

PETALING JAYA, Selasa - Penyokong parti pembangkang masih diberi peluang memohon pinjaman Mara, tetapi keutamaan diberi kepada pemohon yang layak dan menyokong kerajaan, kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

"Dalam politik, kita kena beri keutamaan kepada penyokong kita, selepas itu barulah memikirkan kepada yang lain.

"Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang, buat perkara yang sama, buang orang yang tidak sokong dia. Dia jangan marahlah kalau kita buat macam tu kat dia," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran kampus baru L&G Twintech Institute of Technology, Bandar Sri Damansara di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Land & General Berhad, Tan Sri Wan Azmi Hamzah dan Presiden L&G Twintech Institute of Technology, Prof Dr Ismail Md Salleh.

Mohamed Nazri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pemberian pinjaman agensi itu.

Menjawab pertanyaan bagaimana kerajaan mengenal pasti pemohon daripada parti pembangkang, Mohamed Nazri berkata: "Sekilas ikan di air, kita sudah tahu jantan betinanya, maknanya kita tahulah siapa yang menyokong dan siapa yang tidak".

Beliau turut menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberi arahan agar pemimpin berdamping dengan rakyat.

"Kalau dulu pemimpin bimbang jika berdamping dengan rakyat yang tidak menyokong parti, mereka disalah anggap, tapi sekarang apabila ada arahan mereka tidak perlu bimbang kerana PM sudah beri lampu hijau untuk turun ke bawah," katanya.

Dengan cara itu katanya, rakyat akan mudah diberi penjelasan mengenai isu-isu tertentu selain dapat membantu mereka.

Katanya, Mara kini mahu mengimbangkan bilangan penuntut di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang mendapat pinjaman sama dengan penuntut di IPTA.

Sehingga kini katanya, Mara sudah membantu 50 IPTS yang lebih 90 peratus dimiliki Bumiputera sepenuhnya.

(END)